

14/11/1999

Cerita Halim makin panas

ALOR STAR: Spekulasi kononnya Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Abdul Halim Ali, bertanding di Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah dan dilantik Menteri Besar menggantikan Tan Sri Sanusi Junid, jika Barisan Nasional (BN) menang semakin hangat diperkatakan.

Ia ditambah dengan laporan akhbar beberapa hari lalu bahawa beberapa Menteri Besar bakal digugurkan, manakala khabar angin termasuk di Kuala Lumpur menyatakan kononnya Abdul Halim meletakkan jawatan.

Di Kedah, spekulasi Abdul Halim yang berasal dari Kodiang menggantikan Sanusi tersebar sejak beberapa bulan lalu.

Malah, baru-baru ini beliau dikatakan memaklumkan kepada keluarganya akan bertanding di DUN Tunjang pada 29 November ini.

Sanusi ketika ditanya mengenai spekulasi itu semalam pula kelihatan tidak terkejut sambil memberikan jawapan ringkas `saya tidak dengar lagi'.

Bagaimanapun, Jumaat lalu ketika ditemui Sanusi berkata beliau tidak akan `lari' dari Kedah, sebaliknya terus bertanding di DUN, walaupun mengakui semua keputusan akan ditentukan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Malah, beliau membayangkan akan terus mempertahankan kerusi DUN Kuah, Langkawi yang jika benar sekali gus menafikan satu lagi spekulasi kononnya Sanusi tidak akan bertanding pada pilihan raya ke-10 ini dan bakal dilantik sebagai duta.

Mengenai laporan akhbar kemungkinan beberapa Menteri Besar tidak dicalonkan semula, sambil tersenyum lebar, Sanusi berkata:

Itu saya tak dengar lagi. Itu orang surat khabar punya ramalan, saya tak dengar lagi."

(END)